

TATAKELAKUAN PEMBEKAL KONE

PENGENALAN

KONE berkehendak untuk menjadi rakan niaga yang menarik dan mengutamakan hubungan yang boleh dipercayai dan adil dengan pembekalnya untuk faedah bersama KONE dan pembekalnya. Daripada pembekalnya, KONE mengharapkan kecekapan dan penambahbaikan berterusan dalam kualiti, kawalan kos, inovasi, kebolehpercayaan dan kesinamungan.

Tatakelakuan Pembekal KONE ("Tatakelakuan") menjelaskan nilai-nilai yang didukung oleh KONE dalam operasinya di seluruh dunia. KONE mengharapkan pembekalnya mematuhi syarat-syarat Tatakelakuan dalam urusan mereka dengan KONE, pekerjaannya sendiri dan para pembekal, serta pihak ketiga termasuk pegawai kerajaan.

1. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Pembekal dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Tatakelakuan ini tidak menggantikan atau membatalkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa tetapi menetapkan piawai kelakuan yang minimum yang dikehendaki untuk dipatuhi oleh pembekal. Sekiranya pembekal tidak dapat mematuhi Tatakelakuan disebabkan oleh halangan undang-undang dan peraturan, pembekal adalah dikehendaki untuk mematuhi Tatakelakuan ini seberapa banyak yang mungkin.

Sekiranya adat dan amalan tempatan bercanggahan dengan Tatakelakuan, pembekal dikehendaki untuk memberi keutamaan dan patuh kepada Tatakelakuan.

2. URUSAN PERNIAGAAN

2.1 Urusan yang Beretika

Dalam menjalankan semua urusan operasinya, pembekal dikehendaki mengamalkan standard etika yang tinggi dalam amalan perniagaannya dan dilarang sama sekali untuk terlibat dalam sebarang amalan rasuah dan penipuan atau menjalankan aktiviti perubahan wang haram.

2.2 Larangan terhadap Amalan Rasuah

KONE mengkehendaki pembekalnya mengamalkan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah.

Pembekal harus memastikan setiap pengarah dan pekerja-pekerjanya atau mana-mana pihak ketiga yang bertindak bagi pihaknya tidak menawarkan, menjanjikan, memberi atau menerima sebarang rasuah atau membuat atau menerima bayaran yang tidak wajar dengan niat untuk memperoleh perniagaan baharu, mengekalkan perniagaan sedia ada atau memperoleh sebarang kelebihan lain yang tidak wajar. Secara

khususnya, pembekal tidak patut sama sekali terlibat dengan sebarang bentuk rasuah atau skim sogokan atau menawarkan apa-apa insentif kepada pekerja KONE atau keluarga mahupun sahabat mereka dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan sebarang perniagaan.

Pembekal tidak dibenarkan sama sekali memberi apa-apa hadiah, hospitaliti korporat (termasuk makan tengah hari, makan malam atau hiburan perniagaan) atau faedah lain kepada atau atas permintaan pekerja KONE dalam apa jua situasi yang mungkin mempengaruhi atau dianggap sebagai mempengaruhi pertimbangan pekerja dengan pembekal.

Pekerja KONE yang boleh mempengaruhi pemilihan pembekal untuk kontrak atau tender aktif dengan KONE adalah dilarang daripada menerima sebarang hadiah, hospitaliti korporat atau faedah lain daripada pembekal yang terlibat dengan aktiviti tersebut.

Dalam keadaan lain, pembekal hanya boleh menawarkan tanda penghargaan, dengan syarat mereka mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa dan pemberian hadiah tidak melampau dari segi skop, nilai dan kekerapannya. Wang tunai atau manfaat seumpamanya, seperti kad hadiah, adalah dilarang sama sekali. Pembekal tidak dibenarkan untuk memberi apa-apa hadiah, hospitaliti korporat atau faedah lain kepada ahli keluarga pekerja KONE.

2.3 Percanggahan kepentingan

Pembekal wajib mengelakkan sebarang interaksi dengan pekerja KONE yang mempunyai percanggahan kepentingan, mungkin bercanggah atau dianggap sebagai bercanggah, dengan tugas pekerja tersebut yang bertindak untuk kepentingan KONE. Pembekal hendaklah mendedahkan kepada KONE semua percanggahan kepentingan atau situasi yang mungkin mengakibatkan percanggahan kepentingan dalam urusannya dengan KONE.

Pembekal juga dikehendaki untuk memaklumkan kepada KONE jika pekerja atau ahli keluarga terdekat pekerjaannya memegang sebarang jawatan penting dalam syarikat pembekal, seperti jawatan kewangan, jawatan pengurusan atau bekerja untuk pembekal.

2.4 Persaingan yang Adil

Pembekal dikehendaki untuk bersaing secara adil dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan persaingan yang berkuatkuasa. Sebagai contoh, pembekal tidak sepatutnya memasuki apa-apa perjanjian dengan pesaingnya untuk meningkatkan harga atau mengehadkan bekalan produk.

3. PEMATUHAN PERDAGANGAN

Pembekal harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kawalan eksport, termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan perdagangan antarabangsa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa United Nation, European

Union atau Amerika Syarikat.

Pembekal perlu dengan kadar segera memaklumkan kepada KONE jika (i) pembekal, pemilik terdekatnya atau pemilik manfaat mutlak atau mana-mana pengarah, pegawai atau wakil daripada pembekal, telah atau menjadi subjek kepada sekatan atau batasan perdagangan antarabangsa atau (ii) pembekal menjadi subjek kepada siasatan kepatuhan sekatan atau (iii) pembekal menyedari atau mendapat tahu bahawa mana-mana produk, perisian atau teknologi yang dibekalkan oleh pembekal kepada KONE adalah tertakluk kepada sebarang kawalan atau keperluan lesen eksport.

Sekiranya diminta oleh KONE, pembekal dikehendaki untuk memberikan maklumat tentang lokasi pengeluaran produk yang dibekalkannya kepada KONE bersama dengan bukti lokasi asalnya kepada KONE.

4. HAK BURUH DAN MANUSIA

Pembekal adalah dijangkakan untuk menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk Prinsip-prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja yang ditetapkan dalam Bil Antarabangsa bagi Hak Asasi Manusia, Prinsip Panduan UN tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia serta prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Pengisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

4.1 Tidak diskriminasi

Pembekal harus melayan pekerjaanya secara adil dan sama rata. Pembekal tidak harus mengamalkan diskriminasi dalam penggajian, pampasan, kenaikan pangkat, disiplin, penamatan atau persaraan pekerja berdasarkan jantina, identiti jantina, usia, agama, status perkahwinan, orientasi seks, ketidakupayaan, kelas sosial, pendapat politik atau kewarganegaraan atau asal-usul etnik atau ciri-ciri yang lain, yang tidak berkaitan dengan kelayakan individu tersebut atau syarat-syarat keperluan bagi pekerjaan tersebut.

4.2 Buruh Kanak-kanak atau Buruh Paksa

Pembekal tidak dibenarkan untuk menggaji pekerja di bawah umur 15 tahun atau pekerja di bawah umur yang sah untuk bekerja mengikut undang-undang tempatan, yang umur mana yang lebih tinggi. Tiada pekerja muda harus melakukan kerja yang berbahaya dari segi mental, fizikal, sosial atau moral atau memudaratkan atau mengganggu persekolahan mereka dengan menyekat peluang mereka untuk menghadiri sekolah. Dalam apa jua keadaan, pembekal tidak boleh menggunakan buruh paksa (termasuk buruh yang diperdagangkan, buruh kontrak atau terikat) atau mengikat kontrak dengan subkontraktor atau pembekal yang menggunakan buruh kanak-kanak atau buruh paksa. Tekanan mental dan fizikal, perhambaan dan pemerdagangan manusia adalah dilarang.

4.3 Hormat dan Maruah

Pembekal harus melayan pekerjaanya dengan hormat dan bermaruah serta memastikan bahawa tiada pekerja yang tertakluk pada sebarang gangguan fizikal, seksual, psikologi atau lisan, penganiayaan atau bentuk ugutan

yang lain.

4.4 Terma Pekerjaan

Pembekal harus memastikan bahawa pampasan yang dibayar kepada pekerjaanya (termasuk kontraktor, pekerja sementara atau separuh masa) mematuhi semua undang-undang upah yang berkuatkuasabe, termasuk yang berkaitan dengan upah minimum, waktu kerja lebih masa, cuti bergaji dan faedah wajib. Pembekal dikehendaki untuk memastikan semua pekerja mempunyai dokumen pengajian yang dipersetujui secara bebas dan menghormati hak undang-undang dan kontraktual mereka.

4.5 Kebebasan Berpersatuan

Pembekal harus menghormati hak pekerjaanya untuk memasuki persatuan dan peranjian kolektif selagi mereka mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Pembekal tidak boleh mengugut dan mengganggu pekerjaanya yang ingin melaksanakan hak undang-undang mereka untuk menyertai atau tidak menyertai mana-mana organisasi.

4.6 Kesulitan

Pembekal perlu memberi peluang dan saluran kepada pekerjaanya untuk mengemukakan kesulitan mereka untuk mematuhi syarat dalam Tatakkelakuan ini tanpa menyimpan dendam terhadap mana-mana pekerja yang membuat laporan dengan niat yang baik.

4.7 Hak Masyarakat

Pembekal harus menghormati hak masyarakat seperti akses kepada tanah, hak penggunaan tanah dan hak kepada persekitaran yang selamat, dalam semua operasinya. Pembekal, bila-bila berkemungkinan, harus menilai, menjangka dan mengelakkan kesan negatif ke atas masyarakat tempatan di tempat ia beroperasi, dengan memberi tumpuan lebih kepada kumpulan yang lemah seperti kanak-kanak, kaum minoriti dan masyarakat peribumi.

5. KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Pembekal harus memastikan bahawa pekerjaanya mempunyai persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Maklumat, latihan dan peralatan keselamatan serta kesihatan yang sewajarnya harus disediakan kepada pekerja-pekerja pembekal. Pembekal juga harus mempunyai program keselamatan yang berkesan yang merangkumi sekurang-kurangnya keselamatan manusia, kesediaan kecemasan dan pendedahan kepada kimia, bahan biologi dan wabak-wabak. Pekerja pembekal tidak dibenarkan sama sekali mabuk atau dalam pengaruh dadah semasa bekerja untuk KONE.

6. ALAM SEKITAR

Pembekal dikehendaki untuk mengambil semua usaha yang berpatutan untuk melindungi alam sekitar dan mengurangkan mana-mana aktivitinya yang akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar .

Pembekal dikehendaki untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkuatkuasa, dan mana-mana syarat KONE mengenai larangan, sekatan,

pelabelan untuk kitar semula atau pelupusan bahan tertentu, sebagaimana yang dinyatakan dalam Annex Alam Sekitar di Perjanjian Pembekal dan Pembelian.

Pembekal dikehendaki untuk memperoleh, mengekalkan dan mematuhi semua permit, lesen dan pendaftaran alam sekitar yang diperlukan bagi operasinya.

Pembekal dikehendaki untuk memantau, mengawal, mengurangkan dan sekiranya diperlu, untuk merawat pengeluaran dan bahan pencemaran (terhadap udara, tanah dan air) dan sisa lain yang dijana daripada operasinya. Pembekal harus berusaha untuk terus mengurangkan jejak karbon daripada operasinya melalui tindakan seperti menambah baik kecekapan tenaga, mencari tenaga boleh dibaharui dan menghapuskan, mengurangkan dan mengitar semula sisa.

Pembekal harus mempunyai pendekatan yang sesuai, berstruktur dan bersistematik dalam pengurusan tanggungjawab persekitarannya termasuk, jika berkenaan, menubuhkan sistem pengurusan alam sekitar yang sesuai.

7. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK DAN PUBLISITI

Pembekal harus mematuhi semua undang-undang dan perjanjian antarabangsa yang diguna pakai ke atas harta intelek. Pembekal tidak harus melanggar harta intelek KONE atau apa-apa harta intelek pihak ketiga.

Melainkan dipersetujui sebaliknya, pembekal tidak berhak untuk mengumumkan kerjasamanya dengan KONE atau menggunakan tanda dagangan KONE tanpa mendapatkan kebenaran jelas secara bertulis daripada KONE terlebih dahulu.

8. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

Pembekal dikehendaki untuk memantau pematuhannya kepada Tatakelakuan dari masa ke masa.

Sekiranya diminta oleh KONE, pembekaldikehendaki untuk memberi akses kepada KONE untuk memeriksa semua maklumat dan dokumen yang untuk menyokong kepatuhan pembekal terhadap Tatakelakuan ini. Sekiranya KONE mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pembekal berkemungkinan telah melanggar Tatakelakuan (sbg cth, berdasarkan laporan media), KONE boleh bertindak secara sendiri atau melalui juruaudit pihak ketiga, meninjau premis pembekal yang berkaitan untuk mengesahkan kepatuhan pembekal terhadap Tatakelakuan.

Berikutan penilaian munasabah KONE, sekiranya pembekal telah melanggar Tatakelakuan, KONE berhak untuk menamatkan hubungan perniagaan dengan pembekal dengan kadar segera.

Jika pembekal sedar akan pelanggaran terhadap mana-mana syarat Tatakelakuan oleh pekerjaannya sendiri atau pekerja KONE, pembekal harus melaporkan kepada KONE dengan kadar segera. Jika pembekal tidak dapat membincangkan perkara itu dengan Bahagian Pembelian KONE, laporan boleh dihantar kepada

compliance@KONE.com atau dibuat (secara samaran jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan) melalui saluran laporan Talian Pematuhan KONE:

<https://www.speakupfeedback.eu/web/konesuppliers/>.

9. PERSETUJUAN

Dengan bersetuju untuk bekerja dengan KONE, pembekal mengesahkan bahawa ia dan sekutunya mematuhi Tatakelakuan ini. "Sekutu" dalam Tatakelakuan ini merujuk kepada sesebuah syarikat yang dikawal oleh pembekal, mengawal pembekal atau di bawah kawalan yang sama dengan pembekal.

Pembekal harus memastikan bahawa pembekal, subkontraktor, penasihat dan rakan niaganya juga mematuhi prinsip-prinsip Tatakelakuan ini.

Diakui dan diluluskan

Tempat _____ Tarikh _____

Nama syarikat _____

Tandatangan _____

Nombor pendaftaran syarikat _____